

Edar percuma 300 botol minyak masak

BALIK PULAU 10 April - Pemuda UMNO Balik Pulau semalam mengedarkan lebih 300 botol minyak masak satu liter kepada orang ramai di tapak Pasar Awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini.

Ketuanya, Hisham Abdul Hamid berkata, sumbangan yang disampaikan Kerajaan Pusat melalui Pemuda Barisan Nasional (BN) negeri itu bertujuan meringankan beban masyarakat setempat.

Menurut beliau, pihaknya menyedari rakyat terutama yang tinggal di kawasan luar bandar berhadapan dengan kos sara hidup tinggi dan usaha itu antara inisiatif meringankan beban mereka.

"Ini adalah program fasa per-

tama dan kita sedang merancang pemberian minyak petrol kepada lebih ramai pengguna kenderaan di kawasan ini pada bulan hadapan," katanya kepada pemberita di sini.

Yang turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Datuk Shah Haedan Ayob Shah dan ADUN Bayan Lepas, Nordin Ahmad bersama kira-kira 20 ahli Pemuda kawasan berkenaan.

Dalam pada itu, Hisham berkata, pemimpin di sesebuah kawasan perlu lebih kerap turun padang meninjau masalah dihadapi rakyat dan tidak hanya mengutamakan agenda politik peribadi.

Sementara itu, Shah Haedan berkata, tenaga golongan muda

perlu digunakan sebaiknya dalam memastikan rakyat di negara ini tidak menghadapi masalah berkaitan sikap peniaga yang menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Katanya, Pemuda UMNO boleh bekerjasama dengan syarikat milik kerajaan (GLC) untuk menganjurkan lebih banyak program pemberian barangan bersubsidi yang diyakini dapat membanteras kerakusan peniaga mengaut keuntungan.

"Ini adalah peluang terbaik yang boleh digunakan untuk mendekati masyarakat dan menjadi tradisi UMNO serta BN sejak dahulu lagi yang perlu diteruskan generasi sekarang," jelasnya.



SHAH HAEDAN AYOOB SHAH (tengah) mengedarkan 300 botol 1kg minyak masak percuma sumbangan Pemuda UMNO Balik Pulau kepada orang ramai di Pasar Awam MBPP, Balik Pulau, Pulau Pinang, kelmarin.